

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	16 MAY 2017

# Arul Kanda terus kekal CEO 1MDB: Najib

BH-16/5/2017

**Beijing:** Arul Kanda akan terus kekal sebagai Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) 1Malaysia Development Bhd (1MDB), kata Datuk Seri Najib Razak.

Perdana Menteri berkata, Arul Kanda juga akan turut terbabit dalam pembangunan projek ikonik Tun Razak Exchange (TRX).

“Saya menaruh keyakinan penuh terhadap beliau dalam mengendalikan proses rasionalisasi 1MDB,” kata Najib.

Beliau yang juga Menteri Kewangan berkata, Arul Kanda memamerkan kepimpinan yang baik bagi keputusan rasionalisasi

1MDB dan beliau akan terus bersama syarikat itu.

Perdana Menteri berkata demikian kepada pemberita Malaysia pada hari terakhir Belt and Road Forum for International Cooperation (BRF) selama dua hari di sini, semalam.

## Projek diterajui Mohd Irwan

Katanya, pembangunan projek Bandar Malaysia akan diterajui oleh Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Tan Sri Mohd Irwan Serigar Abdullah.

“Namun, Tan Sri (Mohd) Irwan akan berbincang dengan Arul Kan-



Arul Kanda

da mengenai pembangunan masa depan Bandar Malaysia,” katanya.

Pada 11 Mei lalu, Menteri Kewangan II, Datuk Johari Abdul Ghani, dilaporkan berkata Arul bukan lagi Pengerusi Bandar Malaysia.

Sehubungan itu, Johari menegaskan, isu berkaitan Bandar Malaysia akan dikendalikan sepenuhnya oleh Pejabat Perdana Menteri (PMO) dan Ahli Lembaga Pengarah 1MDB.

Pada 3 Mei lalu, anak syarikat Kementerian Kewangan, TRX City Sdn Bhd mengumumkan perjanjian pembangunan Bandar Malay-

sia dengan konsortium Iskandar Waterfront Holdings Sdn Bhd (IWH) dan China Railway Engineering Corp (M) Sdn Bhd (CREC) telah luput.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi menjelaskan pembatalan itu dibuat bersandarkan keputusan komersial, selepas kegagalan pihak pembeli (IWH-CREC) membuat pembayaran yang tertangguh lebih 10 kali.

TRX City Sdn Bhd menandatangani perjanjian penjualan saham dengan IWH dan CREC pada 31 Disember 2015.